

SULIT



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2016/2017**

NAMA KURSUS : BINAAN BANGUNAN

KOD KURSUS : BBB 10202

KOD PROGRAM : BBB

TERBUKA

TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2017

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **TIGA (3)** MUKA SURAT

SULIT

- S1**
- (a) Berikan dua fungsi kerja pembersihan tapak bina dan bincangkan dua faktor yang perlu diambil kira sebelum kerja pembersihan dibuat. (8 markah)
- (b) Terangkan proses yang terlibat dalam kerja tanah dan berikan tiga jenis jentera yang sering di gunakan dalam kerja tanah. (8 markah)
- (c) Berbantukan gambarajah, bincangkan penggunaan penyahairan (*dewatering*) menggunakan kaedah pam terbuka di kawasan berpasir. (9 markah)
- S2**
- (a) Terangkan empat faktor yang mempengaruhi rekabentuk asas bangunan. (8 markah)
- (b) Dengan berbantukan gambarajah, terangkan tentang asas pad serta kesesuaian asas tersebut dalam pembinaan. (8 markah)
- (c) Encik Rashid bercadang untuk membina kilang di kawasan tanah pasir. Beliau memilih asas pad sebagai pembinaan asas bangunan tersebut. Jelaskan adakah asas tersebut sesuai digunakan. Berikan justifikasi kepada jawapan anda beserta dengan gambarajah yang sesuai. (9 markah)
- S3**
- (a) Terangkan dengan ringkas
- (i) prinsip rekabentuk perancah
- (ii) perancah bergerak
- (iii) perancah julur
- (6 markah)
- (b) Encik Zainal mendapati dinding rumah beliau telah rosak. Oleh itu, beliau memerlukan sokongan tupang (*shoring*) untuk membaiki dinding tersebut. Dengan berbantukan gambarajah yang sesuai, berikan cadangan tupang yang sesuai di gunakan dan berikan justifikasi kepada pemilihan tersebut. (9 markah)
- (c) Terangkan jenis kemas lantai yang sesuai di pasang di lantai lobi hotel dan berikan justifikasi kepada jawapan anda. (10 markah)

A red rectangular stamp with the word "TERBUKA" in bold, capital letters, centered within the stamp.

- S4** (a) Terangkan dengan ringkas
- (i) tangki Simpanan
 - (ii) paip perkhidmatan
 - (iii) paip limbah
 - (iv) paip cuci
- (8 markah)
- (b) Bincangkan perbezaan antara sistem bekalan air langsung dengan sistem bekalan air tidak langsung.
- (8 markah)
- (c) Dengan berbantuan gambarajah yang sesuai, terangkan tangki septik dalam sistem pembentungan.
- (9 markah)

- SOALAN TAMAT -

TERBUKA